

**Melaka:** Penternak kupang yang memelihara hidupan laut itu sekitar persisiran pantai di Jasin di sini, masih dilarang menjual hidupan itu kepada orang ramai sejak April lalu,

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, langkah itu terpaksa diambil kerajaan bagi mengelak kemudaratan susulan beberapa kes keracunan dilaporkan sebelum ini.

Beliau berkata, KPKM berusaha mencari jalan bagi membantu penternak kupang terjejas dengan meneliti bantuan yang boleh dihulurkan kerajaan.

# Cari jalan bantu penternak kupang terjejas

HM 03/07/24 MIS 17

“Penternak ini juga adalah nelayan dan masih turun ke laut...mereka masih ada pendapatan hasil tangkapan laut, bagaimanapun kita juga melihat kepada tabung bencana yang ada untuk membantu penternak ini sebagai satu bentuk mitigasi ketika larangan masih dikuatkuasakan ketika ini,” katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan KPKM menyalurkan RM34.09 juta kepada Melaka tahun ini bagi menyokong agenda pembangunan industri agromakanan.

Menurutnya, daripada



ARTHUR Joseph Kurup (empat dari kanan) beramah mesra bersama peniaga di Dewan Komuniti Telok Mas, Melaka.

jumlah itu, sebanyak RM21.3 juta diperuntukkan secara terus kepada Melaka di bawah Program Mengoptimalkan Penggunaan Tanah ke Arah Keterjaminan Makanan Negara.

“Program kerjasama KPKM dengan kerajaan negeri merupakan inisiatif *quick win* bagi membantu pelaksanaan projek agromakanan negeri antaranya menaik taraf Kompleks Teknologi Pertanian Sungai Udang, Penternakan dan Pembenihan Ikan Air Tawar dan Projek Sekuriti Makanan Pertanian Melaka,” katanya selepas sesi libat urus bersama peladang, penternak dan nelayan negeri, semalam.